

PERUBATAN KEROHANIAN DALAM ISLAM

oleh Muhammad Haniff Hassan

Pengenalan

Artikel ini membicarakan mengenai pengertian perubatan robani, dalil-dalil yang membolehkannya dalam Islam dan batas-batas yang tidak boleh dilanggar.

Artikel ini disertakan dalam buku ini kerana wujudnya kaitan yang rapat antara perubatan robani / tradisional dengan ajaran-ajaran sesat. Sering kali ditemui mereka yang terjebak dalam ajaran sesat dipancing melalui perubatan ini dan ia juga antara senjata dan alat yang biasa digunakan untuk menyebarkan sesuatu ajaran sesat. Dengan mengetahui apakah bentuk perubatan jenis ini yang dibenarkan oleh Islam dapat membantu pembaca untuk mengenal pasti ajaran sesat dan menjaubi dari amalan yang menyesatkan.

PENGERTIAN PERUBATAN ROHANI

Perubatan rohani yang dimaksudkan di sini ialah perubatan penyakit dengan kaedah kerohanian atau perubatan penyakit rohani samada menggunakan kaedah perubatan rohani atau jasmani.

Perubatan rohani yang dinyatakan di atas wujud dan boleh ditemui dalam banyak dalil.

"Berkata Abu Hurairah 'Rasulullah s.a.w melihatku sedang aku baring menahan sakit diperutku'. Beliau berkata 'Adakah kamu ditimpa sakit perut?' Aku berkata 'Ya ! wahai Rasulullah' Ia berkata

قُمْ فَصَلِّ فَإِنْ فِي الصَّلَاةِ شِفَاءٌ

yang bermaksud, "Bangun dan lakukanlah solat. Sesungguhnya solat itu adalah penawar." (Riwayat Ibn Majah)¹.

Rasulullah s.a.w bersabda

يَا بِلَالُ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَارْحَنَابَهَا

"Bangunlah wahai Bilal! Rebatkanlah kami dengan solat" (Riwayat Abi Daud)²

Al-Imam As-Suyuti dalam buku *At-Tib An-Nabawi* memberi komen mengenai hadits di atas bahawa di sana terdapat aspek psikologi dalam hal ini, iaitu seseorang yang sakit akan lupa akan sakitnya apabila ia mengerjakan solat dengan itu segala keperitan sakitnya akan hilang sehingga akhirnya tenaganya akan mengatasi sakit itu dan menghilangkan seluruh penyakit itu.³

Hadits menunjukkan bagaimana Rasulullah mengubati kepenatan dirinya dan mencari hiburan melalui kaedah kerohanian iaitu solat. Hadits ini juga mengajar kita bahawa solat juga boleh berfungsi sebagai penawar.


Daripada Ali r.a beliau meriwayatkan

لَدَغَتْ النَّبِيَّ عَقْرَبٌ وَهُوَ يُصَلِّي فَلَمَّا فَرَغَ قَالَ لَعَنَ اللَّهُ الْعَقْرَبَ لَا تَدْعُ مُصَلِّيًا وَلَا غَيْرَهُ ثُمَّ دَعَا بِمَاءٍ وَمَلَحَ فَجَعَلَ يَمَسْحُ عَلَيْهَا وَيَقْرَأُ قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ وَقُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ وَقُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ

¹ Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, jld 2, ms 269.

² Abu Daud, *Sunan Abi Daud*, Bab Adab, Dar Al-Fikr, jld 4, ms 296.

³ As-Suyuti, Jalaf Ad-Din Abdul Rahman, *Medicine of Prophet (terj.)*, Taha Publishers, London, 1994, ms 172.



"Seekor kalajengking telah menyengat Rasulullah s.a.w sedang ia bersolat. Apabila ia selesai ia berkata 'Semoga Allah melaknat kalajengking tadi yang menyengat tanpa kira orang bersolat atau selainnya. Ia kemudian meminta air dan garam kemudian ia menggosokkannya ke atas tempat yang disengat dan ia membaca surah Al-Kafirun, Al-Falaq dan An-Nas.'⁴

Hadits ini menunjukkan bagaimana Rasulullah s.a.w menggunakan kaedah perubatan jasmani dengan mengguna air dan garam dan menggunakan kaedah rohani dengan membaca ayat Al-Quran untuk menyembuhkan sakit.

Rasulullah s.a.w juga menganjurkan penggunaan kedua-dua kaedah perubatan melalui sabdanya;

عَلَيْكُمْ بِالشِّفَاعَيْنِ الْعَسَلُ وَالْقُرْآنُ

"Hendaklah kamu menggunakan dua penawar; madu dan Al-Quran"

(Riwayat Ibn Majah)⁵

Dari Abu Sacid Al-Khudri r.a menceritakan

دَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ ذَاتَ يَوْمٍ الْمَسْجِدَ فَإِذَا هُوَ بِرَجُلٍ مِنَ الْأَنْصَارِ يُقَالُ لَهُ أَبُو أُمَامَةَ فَقَالَ يَا أَبَا أُمَامَةَ مَا لِي أَرَاكَ جَالِسًا فِي الْمَسْجِدِ فِي غَيْرِ وَقْتِ صَلَاةٍ فَقَالَ هُمُومٌ لَزِمْتَنِي وَدُيُوءٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ أَلَا أَعْلَمُكَ كَلِمَاتٍ إِذَا قُلْتَهُنَّ أَذْهَبَ اللَّهُ عَنْكَ هَمُّكَ وَقَضَىٰ دَيْنُكَ قَالَ بَلَىٰ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ قُلْ إِذَا أَصْبَحْتَ وَإِذَا أَمْسَيْتَ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ قَالَ أَبُو أُمَامَةَ فَقُلْتُ ذَلِكَ فَأَذْهَبَ اللَّهُ عَنِّي غَمِّي وَقَضَىٰ دَيْنِي

⁴ Riwayat At-Tabrani. Hadits ini dinilai Hasan oleh Al-Hafiz Nur Ad-Din Al-Haitsami dalam kitab *Majma Az-Zawaid*, Dar Ar-Rayyan Lit-Turath, jld 5, ms 11.

⁵ Riwayat Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, jld 2, ms 268. Hadits ini dinilai sahih oleh Shihab Ad-Din Al-Busiri dalam kitab *Az-Zawaid*.

"Rasulullah s.a.w masuk ke masjid pada satu bari. Beliau mendapati seorang lelaki dari Ansar yang dikenali sebagai Abu Umamah. Beliau berkata "Wabai Abu Umamah! Kenapa aku dapati engkau duduk di masjid pada bukan waktu solat. Abu Umamah berkata 'Kesedihan yang mendampingiku dan butang-butang wabai Rasulullah!' Rasulullah s.a.w 'Mabukah engkau aku ajarkan beberapa kalimat jika engkau membacanya, Allah akan menghilangkan dari engkau kesedihan kau dan butang-butang engkau. Ia berkata 'Ya! Wabai Rasulullah' Rasulullah s.a.w bersabda katakanlah apabila engkau di waktu pagi dan petang 'Ya Allah! Aku berlindung denganMu dari kesedihan dan kesukuan dan aku berlindung denganMu dari kemah dan malas dan aku berlindung denganMu dari takut dan bakhil dan aku berlindung denganMu dari dikuasai oleh butang dan kekejaman lelaki-lelaki' Abu Umamah berkata 'Aku membacanya maka Allah menghilangkan dari ku kesedibanku dan membayar butangku"⁶

Rasulullah s.a.w bersabda

إِذَا فَرَغَ أَحَدُكُمْ مِنَ النَّوْمِ فَلْيَقُلْ أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ غَضَبِهِ وَعِقَابِهِ وَشَرِّ عِبَادِهِ وَمِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ وَأَنْ يَحْضُرُونَ

"Jika seseorang merasa takut ketika tidur maka hendaklah ia membaca 'Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna dari kemarahanNya dan seksaNya dan kejahatan bamba-bambanya dan dari bisikan-bisikan syaitan dan dari (syaitan -syaitan) yang mendatangkiku" (Riwayat At-Turmuzi)⁷

Hadits ini menunjukkan bagaimana amalan kerohanian dapat mengatasi masalah kejiwaan seseorang.

Aisyah r.a meriwayatkan

كَانَ يَنْفُثُ عَلَى نَفْسِهِ فِي الْمَرَضِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ بِالْمُعَوَّذَاتِ فَلَمَّا ثَقُلَ كُنْتُ أَنْفُثُ عَنْهُ بِهِنَّ وَأَمْسَحُ بِيَدِ نَفْسِهِ لِيَرَكَّتْهَا

⁶ Abu Daud, Sunan Abi Daud, Bab Al-Istifadah, Kitab As-Solat. Dar Al-Fikr, jld 2, ms 93

⁷ At-Turmuzi, Sunan At-Turmuzi, 3519.



"Babawa Rasulullah s.a.w meniup (menjampi) ke atas dirinya pada sakit yang ia wafat kerananya dengan Al-Mucawwizat (surah Al-Ikblas, Al-Falaq dan An-Nas). Apabila ia semakin tenat, aku pula meniup (menjampi) dengan Al-Mucawwizat ke atasnya dan aku sapu dengan tangannya mengbarapkan keberkatannya" (Riwayat Al-Bukhari)⁸

Apa yang yang dinyatakan di dalam hadits-hadits di atas juga membenarkan apa yang telah difirmankan oleh Allah s.w.t

وَنُزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ

"Dan Kami turunkan dari Al-Quran itu, apa yang menjadi ubat dan rahmat"⁹

Al-Qurtubi mengatakan bahawa terdapat dua pendapat dalam menafsirkan Al-Quran sebagai penawar. Pertama ialah ia menjadi penawar bagi hati-hati dengan menghilangkan kejahilan dan keraguan dan untuk menyingkap tabir hati dari penyakit kejahilan untuk memahami mukjizat-mukjizat dan perkara-perkara yang menuju kepada Allah s.w.t. Yang kedua pula ialah ia menjadi penawar bagi penyakit-penyakit yang zahir melalui kaedah jampi dan sebagainya.¹⁰

قُلْ هُوَ الَّذِي آمَنُوا هُدًى وَشِفَاءٌ

"Katakan Al-Quran itu adalah tuntutan dan ubat penawar"¹¹

Al-Quran berperanan sebagai penawar melalui pelbagai cara iaitu ia menjadi penawar kepada hati-hati dan akal-akal dari penyakit-penyakit kufur, syirik, kepercayaan yang batil, khurafat, keraguan, dan ia menjadi penawar bagi jiwa-jiwa dari penyelewengan dan kerosakan akhlak dengan beriltizam dengan pengajaran-pengajarannya dan ubat kerohanian bagi penyakit-penyakit jasmani.¹²

⁸ Al-Bukhari, Muhammad b. Ismail, *Sahih Al-Bukhari*, terj. Dr. Muhammad Muhsin Khan, jld 7, ms 423.

⁹ Al-Isra' : 82.

¹⁰ Al-Qurtubi, *Al-Jami li Ahkam Al-Quran*, Dar As-Syuab, Kahirah, jld 10, ms 139.

¹¹ Fussilat : 44.

¹² Al-Qurtubi, *Al-Jami li Ahkam Al-Quran*, Dar As-Syuab, Kahirah, jld 15, ms 369.



Walaupun perubatan rohani dibenarkan dalam Islam, namun ia mestilah menepati beberapa garis panduan berikut;

1. Jampi yang digunakan hendaklah merupakan dari ayat Al-Quran atau doa yang tsabit dalam hadits Rasulullah s.a.w atau doa-doa yang difahami, bukan doa-doa yang mengandungi perkataan atau bahasa yang tidak difahami kerana ditakuti ia mempunyai makna yang membuat syirik atau seruan pada nama-nama jin dan syaitan.
2. Tiada menggunakan perantara jin kerana sukar untuk membezakan antara jin dan syaitan, tidak diketahui hakikat jin itu dengan sebenar-benarnya Islam atau bukan dan sukar untuk benar-benar menguasai jin. Apatah lagi Allah s.w.t telah memberi amaran dalam firmanNya yang berbunyi

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

"Dan bahawasanya ada beberapa orang lelaki dari golongan manusia meminta perlindungan kepada beberapa lelaki di antara jin, maka jin-jin itu menambah bagi mereka dosa dan kesalahan."¹³

إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمْ عَدُوٌّ فَاتَّخِذُوهُ عَدُوًّا

"Sesungguhnya syaitan bagi kamu itu adalah musub maka ambillah ia sebagai musub"¹⁴

Termasuk dalam bab ini ialah menggunakan roh-roh orang yang telah mati untuk merawat penyakit¹⁵.

Atas dasar menutup pintu kerosakan, maka penggunaan jin dan perantara dilarang dalam Islam.

3. Tidak menggunakan tangkal dan yang seumpamanya kerana Rasulullah s.a.w melarangnya dengan keras.

¹³ Jin : 6.

¹⁴ Fatir : 6

¹⁵ Lihat artikel *Masalah Tabdir Al-Arwah* oleh Ust Uthman Al-Muhammady di bab 4 dari buku ini.



4. Tidak mengandungi sesuatu yang bersifat seruan-seruan kepada makhluk, semangat sesuatu benda atau tawassul yang dilarang.
5. Tidak menggunakan bahan-bahan najis untuk dimakan atau diminum seperti arak atau bangkai.
6. Tidak menggunakan sesuatu yang berunsur sihir, pukau dan silap mata.

Apa jua bentuk perubatan yang mengandungi salah satu dari perkara di atas hendaklah di jauhi kerana terdedah pada bahaya penyelewengan.

The first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the

the first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the

the first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the

the first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the

the first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the

the first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the

the first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the

the first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the

the first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the

the first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the

the first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the

the first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the

the first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the

the first of these is the fact that the
the first of these is the fact that the



AJARAN SESAT DAN PENYELEWENGAN AQIDAH: KEPERLUAN KEPADA PERSPEKTIF YANG LUAS

oleh Muhammad Haniff Hassan

Dipetik dari Majalah At-Takwin (PERDAUS), bil. 1/1995.

Pengenalan

Kertas ini menghuraikan secara ringkas akan pengertian ajaran sesat dan pecabannya. Namun yang lebih penting yang ingin disampaikan oleh Penulis ialah melihat ajaran sesat dengan pandangan yang luas yang meliputi pelbagai ideologi manusia yang menjadi ikutan dan yang mendominasi pemikiran manusia hari ini.

Tujuan kertas ini disertakan dalam buku ini agar pembaca dapat memahami keutamaan dan fokus dalam membanteras ajaran sesat dan mengenali ajaran sesat yang lebih bahaya dan meluas yang sedang melanda masyarakat hari ini agar dapat mengambil langkah untuk menjaubinya.

PENGENALAN RINGKAS PADA AJARAN SESAT

Ajaran sesat boleh didefinisikan dengan apa jua ajaran yang lari dari kebenaran Islam. Sesuatu perkara dianggap sebagai kebenaran apabila ia timbul dari sumbernya yang diiktiraf oleh Islam, iaitu Al-Quran dan Sunnah.

Allah s.w.t berfirman;

وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُبِينًا

"Dan sesiapa yang bermaksiat terhadap Allah dan RasulNya maka ia telah sesat dengan kesesatan yang nyata" (Al-Abzab: 36)

Rasulullah s.a.w bersabda;

خَيْرُ الْكَلَامِ كَلَامُ اللَّهِ وَخَيْرُ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ وَكُلُّ مُحَدَّثَاتٍ
بِدْعَةٍ وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ

"Sebaik-baik kata-kata ialah kata-kata Allah (Al-Quran) dan sebaik-baik petunjuk ialah petunjuk Muhammad (sunnah) dan setiap perkara yang baru itu bid'ah dan setiap bid'ah itu sesat dan setiap yang sesat berada di dalam neraka" (Riwayat Ahmad)

مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

"Barangsiapa mengada-adakan dalam urusan agama kami ini suatu pekerjaan yang bukan daripadanya (agama) maka (yang diada-adakan) itu tertolak" (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Kedua-dua hadits di atas mengajar kita bahawa;


- sumber utama agama ialah Al-Quran dan Sunnah.
- mereka-reka sesuatu dalam urusan agama yang tiada sandarannya dalam Al-Quran boleh membawa kepada bid'ah.
- bid'ah boleh membawa kepada kesesatan yang menjerumus ke neraka.

Jadi ajaran sesat seperti yang dinyatakan ialah yang merupakan rekaan-rekaan dalam persoalan prinsip agama yang tiada sandarannya dalam Al-Quran dan Sunnah.

Sebagaimana Islam itu terbahagi kepada aqidah, syariat dan akhlak maka kesesatan juga boleh berlaku dalam tiga aspek tadi. Oleh itu ajaran sesat boleh dibahagi kepada tiga kategori, iaitu;

- Sesat Dari Sudut Aqidah

Contohnya ialah kepercayaan bahawa seseorang itu telah diutus sebagai rasul setelah kematian Rasulullah s.a.w yang wujud dalam



fahaman Ahmadiyah.

● Sesat Dari Sudut Syariat

Contohnya ialah membolehkan seseorang lelaki berkahwin lebih dari empat wanita sekaligus.

● Sesat Dari Sudut Akhlak

Contohnya ialah membolehkan penggunaan kata-kata yang keji dalam mencegah kemungkaran.

Perlu dijelaskan di sini bahawa bukan semua ajaran sesat boleh mengeluarkan seseorang itu dari Islam dan menjadi kufur. Sebagai contoh orang yang berkahwin lebih dari empat isteri sekaligus, ia boleh dikatakan sesat dalam pengamalannya tetapi tidak boleh dikategorikan sebagai seorang yang kafir.

Kesalahan dalam pengamalan tertentu hasil dari ijtihad seseorang yang berkecualan atau hasil dari mengikuti ijtihad seseorang mujtahid tidak boleh dikatakan sebagai sesat.

Rasulullah s.a.w bersabda,

إِذَا اجْتَهَدَ الْحَاكِمُ فَأَصَابَ فَلَهُ أَجْرَانِ وَإِذَا أَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ

"Jika seseorang hakim itu berijtihad lalu ia betul maka baginya dua pahala tetapi jika ia silap maka baginya satu pahala" (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Ajaran sesat yang boleh membawa kepada kekufuran ialah ajaran yang melampaui batas pemisah antara Islam dan kufur. Batas pemisah antara Islam dan kufur pula ialah dua kalimah syahadah. Dengan dua kalimah syahadah dan penerimaan kepada konsepnya seseorang itu menjadi Muslim.

Konsep dua kalimah syahadah meliputi perkara berikut;

- keimanan bahawa Allah adalah satu-satunya ilah (tuhan) yang sepatutnya ditujukan ubudiyah (peribadatan). Ini dinamakan sebagai Tauhid Uluhiyah.

- Tauhid Uluhiyah ini pula timbul dari keimanan bahawa Allah adalah satu-satunya rab (tuhan) yang mencipta dan mentadbir alam ini. Ini dinamakan sebagai tauhid rububiyah. Allah s.w.t berfirman;

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ مَلِكِ النَّاسِ إِلَهِ النَّاسِ

"Katakanlah! Aku berlindung dengan Rab (Tuhan) manusia, Raja manusia, Ilah (Tuhan) manusia . . ." (An-Nas: 1-3)

Dalam ayat-ayat di atas Allah menggunakan perkataan Rab dan Ilah untuk membahaskan dirinya. Ini menunjukkan wujudnya perbezaan makna dan konsep.

- Hasil daripada keimanan kepada tauhid uluhiyah dan tauhid rububiyah pula ialah keimanan bahawa bersifat dengan segala sifat yang sempurna sebagaimana yang dinyatakan dalam Al-Quran dan Sunnah dan terlepas dari segala sifat yang cacat. Ini dinamakan sebagai tauhid asma' dan sifat. Allah s.w.t berfirman

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا

"Bagi Allah nama-nama yang baik (Al-Asma' Al-Husna), maka serulah Ia dengan nama-nama itu" (Al-A'raf: 180)

- pengiktirafan terhadap kerasulan Muhammad s.a.w yang meliputi memuliakan beliau dengan memberi sifat-sifat yang layak, beriman akan kemaksumannya, menerima sunnah sebagai sumber rujukan dalam hidup dan mengamalkannya.

Jika seseorang itu meninggalkan dua kalimah syahadah dan menolak konsep asasnya seperti di atas maka ia berada dalam bahaya kekufuran.

Inilah yang dinamakan sebagai penyelewengan aqidah. Dalam Islam persoalan aqidah adalah persoalan prinsip dan penting. Oleh itu penyelewengan aqidah dalam bentuk pun langsung atau tidak langsung adalah bahaya kerana ia menentukan kejayaan di akhirat kelak.



AJARAN SESAT DALAM PENGERTIAN YANG LUAS

Hari ini apabila kita memperkatakan tentang ajaran sesat dan penyelewengan aqidah, apa yang tergambar di fikiran masyarakat ialah ajaran dan penyelewengan yang wujud pada kumpulan-kumpulan tarikat tertentu atau kumpulan-kumpulan sulit yang mempunyai ciri-ciri,

- berzikir dengan zikir yang tidak betul di dalam gelap beramai-ramai dan bercampur lelaki dan wanita.
- pengajian yang merujuk kepada nota-nota tulisan tangan yang tidak bernama dengan rajah-rajah tertentu atau lain-lain.

Mengikut rekod yang disimpan oleh PERDAUS, jumlah ajaran sesat yang pernah dikesan sejak tahun 1983 - 1993 ialah sebanyak 29.

Akibat dari pemikiran ini, usaha pembanterasan ajaran sesat dan penyelewengan aqidah banyak tertumpu kepada ajaran-ajaran yang seperti diatas. Tanpa menafikan penyelewengan dan kesesatan yang ada pada ajaran-ajaran yang seperti itu dan tanpa meremehkannya tetapi sejauh manakah pemikiran ini tepat dan usaha yang telah dilakukan menuju kepada sasaran yang lebih utama dan menyelesaikan permasalahan yang lebih penting sesuai dengan kaedah,

"Mengutamakan yang lebih penting dari yang penting"

Sepanjang zaman ajaran-ajaran yang seperti ini akan pasti timbul namun hakikatnya ia lebih bersifat terpencil di dalam masyarakat. Dari sudut jumlah yang terlibat pula, pengalaman dan catatan rekod menunjukkan secara purata mereka yang terpengaruh kepada ajaran-ajaran ini secara purata hanya sekitar 50 orang bagi setiap kumpulan. Jika dikali dengan jumlah ajaran sesat yang telah dikesan kesemuanya berjumlah 1270. Jumlah ini jika dibanding dengan jumlah masyarakat Islam Singapura seramai 407,600 hanya merupakan 0.32 % sahaja. Dari sudut kesan sampingan, tidak dinafikan bahawa pengikut-



pengikut ajaran ini menimbulkan masalah sosial seperti kekecohan rumahtangga namun ia masih bersifat terpencil.

Penyelewengan aqidah yang lebih bahaya dan berleluasa di dalam masyarakat hari ini ialah terletak kepada pelanggaran dan peninggalan tuntutan dan konsep dua kalimah syahadah yang merupakan batas pemisah antara iman dan kufur yang boleh merosakkan aqidah seseorang. Hakikat bahawa dua kalimah syahadah mempunyai tuntutan yang perlu dipenuhi adalah satu perkara yang tidak diketahui umum. Oleh itu pelanggaran-pelanggaran itu tidak disedari apatah lagi ia selalu berlaku secara tidak langsung.

Ajaran sesat yang lebih bahaya dan berleluasa pula di hari ini sebenarnya ialah ideologi-ideologi manusia yang meresap ke pemikiran umat Islam masa kini yang mengakibatkan kekaburan terhadap tasawwur Islam dan pengenalannya. Begitu juga dengan teori-teori ilmiah yang meresap ke pelbagai disiplin ilmu melalui topeng kajian akademik yang kemudiannya dianuti oleh umat Islam tanpa disedari. Contoh yang jelas ialah sekularisme, materialisme, liberalisme dan gerakan yang memperjuangkan kebebasan mutlak wanita.

Namun, apakah sebenarnya perkara-perkara yang boleh merosakkan dua kalimah syahadah seseorang dan bagaimana pula ia boleh menjejaskan aqidah. Bagaimana pula ideologi-ideologi manusia dan teori-teori ilmiah boleh merosakkan aqidah seseorang?

Jawaban bagi persoalan di atas akan dibincangkan dalam penulisan-penulisan akan datang. Walau bagaimana pun persoalan-persoalan di atas boleh dirujuk kepada rujukan-rujukan berikut,

- *Asas-asas Aqidah*. Abdullah Irwani. Terj. A. Majid Abdullah. Pustaka Salam. Kuala Lumpur. 1992.
- *Batas-batas Iman Dan Kufur*. Said Hawwa. Terj. Mustafa Rashidi. Dewan Pustaka Fajar. Shah Alam. 1983.
- *Islam And Secularism*. Syed Mohd Naquib Al-Attas.



PENYELEWENGAN ALIRAN KEROHANIAN: TASAWUF FALSAFI

Artikel ini dipetik dari buku Pengantar Ilmu Taubid oleh Ab. Latif b. Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin, terbitan Pustaka Salam, 1998, ms 378 - 390 & 423 - 427.

Pengenalan

Artikel ini membincangkan mengenai aliran Tasawuf. Penulis memberi pengertian bagi Tasawuf, sejarah kemunculan dan perkembangannya dan konsep sebenar Tasawuf. Penulis kemudian menerangkan aspek-aspek penyelewengan yang wujud dalam aliran ini dan kaitan Wabdatul Wujud serta Martabat Tujub dengan aliran ini.

Artikel ini disertakan dalam buku ini kerana banyak ajaran-ajaran sesat dan menyeleweng menggunakan Tasawuf sebagai asas pengajaran mereka. Artikel ini diharap dapat memberi gambaran akan sebahagian Tasawuf yang benar dan salah.

PENDAHULUAN

Ilmu Tasawuf merupakan salah satu daripada pecahan atau cabang ilmu Falsafah Islam. Menurut pembahagian yang dibuat dalam agama Hindu manusia itu terbahagi kepada empat tingkatan, iaitu:

Pemerintah atau ahli Falsafah, Tentera, Pekerja Mahir dan Pekerja Biasa. Dalam ilmu Tasawuf manusia di bahagikan kepada bahagian tertentu juga, iaitu *Mubtadi* (مبتدئ), *Mutawassit* (متوسط), *Muntahi* (منتهى), 'Awam (عوام), *Khawwas* (خواص) serta *Khawwas Al-Khawwas* (خواص الخواص).

Peringkat *Khawwas Al-Khawwas* itu juga merupakan suatu idea daripada pemikiran ahli Falsafah. Dalam membicarakan tentang Tasawuf, kita juga tidak dapat melarikan diri daripada membicarakan tentang istilah *Mujahadah* (مجاهدة), *Kasyf* (كشف), *Karamat* (كرامة) dan *Syatabat* (شطحات).

Aliran Kerohanian yang dikira sah dan diterima dalam syariat Islam hanyalah aliran Tasawuf sahaja. Manakala semua aliran atau sebarang bentuk ajaran kerohanian dan batin yang lain ditolak dan adalah sesat dalam syariat Islam. Segala mereka yang mengikutinya atau mengamalkannya dikira sesat dan menyalahi aqidah Islam yang murni.


Dalam konteks ajaran Tasawuf, dasarnya yang utama ialah untuk membersihkan jiwa dan hati dari sifat kotor serta untuk mendekatkan diri kepada Allah. Untuk itu, mereka ingin membersihkan diri, rohani, jiwa serta hidup secara zuhud dengan meninggalkan segala kemewahan hidup dunia.

Ajaran Tasawuf dan Falsafah itu tidak semuanya menyeleweng daripada landasan Islam dan tidak semuanya bercanggah dengan aqidah Islam. Namun begitu terdapat aliran Tasawuf tertentu yang telah menyimpang daripada aqidah yang luhur. Secara umumnya, ajaran Tasawuf Falsafi itu membawa fahaman dan membicarakan tentang hakikat Tuhan, manusia dan alam nyata ini.

PENGERTIAN TASAWUF DAN ASALNYA

Ulama berbeza pendapat memberikan istilah asal perkataan Tasawuf itu, antaranya ialah:

1. Tasawuf berasal daripada perkataan Ahli As-Suffah (اهل الصفة) yang ada pada zaman nabi.



2. Pendapat lain, ia adalah berasal daripada perkataan *As-Safa'* (الصفاء) yang bermaksud bersih atau suci.
3. Pendapat lain, ia berasal daripada perkataan *Saff* (صف). Iaitu barisan pertama berkaitan dengan hubungannya dengan Allah.
4. Pendapat lain mengatakan ia berasal daripada perkataan *Sofia*. Iaitu bahasa Greek yang bererti hikmat atau kebijaksanaan.
5. Pendapat lain, ia berasal daripada perkataan *Suf* (صوف). Iaitu bermaksud bulu. Ini kerana ahli Tasawuf selalunya suka memakai baju bulu yang kasar dan murah. Di mana mereka tidak mementingkan kepada pakaian yang halus atau lembut dan mahal.

Sebagai rumusan, majoriti ulama menggunakan perkataan Tasawuf itu berasal daripada perkataan *Suf* (صوف). Iaitu sebagai simbol orang yang hidup secara sederhana dan pakaian masyarakat awam biasa pada kurun kedua hijrah. Pakaian itu juga merupakan orang yang zuhud dan tidak mementingkan kemewahan atau pakaian mahal atau halus dan mereka berpada dengan pakaian yang murah dan kasar.

SEJARAH KEMUNCULAN TASAWUF

Golongan sufi dan ahli Tasawuf ini menurut sejarahnya merupakan golongan yang inginkan kehidupan secara zuhud. Mereka ini muncul secara jelas untuk menentang bentuk kehidupan yang lebih mementingkan kepada kebendaan berbanding akhirat.

Menurut sejarah, ajaran dan Tasawuf bukanlah merupakan ajaran atau perkara yang baru dalam Islam, di mana secara jelasnya cara hidup Tasawuf dan zuhud ini telah berlaku pada zaman nabi atau sewaktu di Madinah. Iaitu mereka yang dikenali dengan Ahli *As-Suffah*, yang mana mereka itu tinggal di pinggir Masjid Nabi pada waktu malam, manakala pada waktu siang mereka beribadat. Sebenarnya mereka tinggal atau menumpang di situ disebabkan mereka tidak ada tempat tinggal. Antara mereka ialah Abu Hurairah. Mereka hidup dalam kemiskinan dan mengharap bantuan orang

ramai. Hidup mereka hanya untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dan mereka tidak ada pekerjaan khusus.

Dari situ, jelas kepada kita bahawa pada zaman nabi telah ada sesetengah sahabat yang hidup dalam keadaan sederhana dan zuhud dan antara mereka ialah golongan yang bergelar *Abli As-Suffah*. Mereka itu hidup secara beribadat dan zuhud. Contohnya Abdullah bin Al-Makhzumi, Abu Zarr Al-Ghifari, Salman Al-Farisi serta Huzaifah Al-Yamani. Namun begitu, menurut sejarahnya, mereka itu sebenarnya bukanlah sengaja hidup dalam keadaan demikian tetapi untuk sementara sahaja kerana mereka adalah golongan Muhajirin dari Mekah yang tinggal menumpang di berandah Masjid Nabi di Madinah sementara mendapat kediaman tetap.

Selain para sahabat, terdapat juga kalangan Tabi'in yang hidup seperti itu atau daripada kalangan tokoh ulama Salaf. Namun mereka hidup cara nabi dan sahabat yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan senantiasa bersikap redha. Antara tokoh sufi zaman tabi'in ialah Hasan Al-Basri. Cara hidup Tasawuf dan zuhud itu juga diikuti oleh sebahagian ulama' Tabi'in dan ramai ahli tafsir yang terkenal hidup dalam keadaan zuhud dan kebersihan rohani. Walau bagaimanapun di kalangan ulama' Salaf dan Tabi'in tersebut yang hidup dalam zuhud, mereka beramal dengan ajaran Tasawuf atau hidup cara Tasawuf dengan berlandaskan Al-Quran dan hadits, tanpa dipengaruhi oleh sebarang unsur luar yang menyeleweng. Apatah lagi mereka itu tidak menyeleweng aqidahnya daripada landasan Islam.

Pada peringkat awalnya ilmu Tasawuf itu menggambarkan ajaran Islam yang suci dan murni dan tanpa apa-apa penyelewengan atau kekeliruan. Ilmu Tasawuf seumpama itu mudah dipelajari dan mudah difahami oleh sesiapa pun asalkan ia mahu melakukan cara hidup zuhud serta redha dengan memberi penumpuan penuh untuk beribadat kepada Allah s.w.t dan tidak melebihi hidup keduniaan juga tidak mencapai kepada cara hidup *Rabbaniyah*. Kerana ia adalah menyalahi tuntutan Islam sebagaimana hadits Imam Ahmad

لَا رَهْبَانِيَّةَ فِي الْإِسْلَامِ

"Tidak ada hidup *Rabbaniyah* dalam Islam"



Hal itu kerana hidup cara Rahbaniah itu merupakan salah satu daripada ajaran Kristian.

Bermula abad ke 2 Hijrah mulai timbul golongan yang dikenali dengan Sufi atau *Mutasawwifah* (متصوفة) dan sebelumnya ia tidak terkenal. Hal tersebut kerana pada masa itu telah ramai umat Islam yang terpengaruh dengan hidup kebendaan dan dunia maksiat. Untuk membantah dan membangkang kepada gejala itu, maka lahirlah beberapa golongan Islam mengadakan kumpulan untuk hidup dalam serba sederhana dan redha, zuhud dan beribadat penuh kepada Allah s.w.t. Namun mereka juga masih tidak menyalahi syariat Islam.

Penggunaan perkataan itu untuk menunjukkan ahli Sufi atau Tasawuf yang mengikuti sifat sahabat yang mendekatkan diri kepada Allah dan hidup dalam keadaan suci, redha dan jiwa mereka tidak gemar kepada kemewahan keduniaan.

Dalam sejarah perkembangannya juga, Tasawuf telah diresapi oleh ajaran Falsafah dan lebih mementingkan kepada berbincangan mengenai hakikat alam dan ketuhanan atau alam metafizik sehingga akhirnya mereka terdedah dan terbawa kepada penyelewengan dalam sudut aqidah. Ahli Sufi berpendapat bahawa makrifat Allah itu hanyalah suatu yang dicampakkan ke dalam hati setelah hati itu kosong dari hawa nafsu.

KONSEP ILMU TASAWUF

Untuk menjalani kehidupan secara Tasawuf bukan perkara mudah. Ia perlu kepada jalan dan tingkatan yang sukar. Untuk itu, seseorang yang ingin mencapai taraf Sufi atau ahli Tasawuf perlu mengikiskan sifat mazmumah atau sifat tercela yang ada dalam dirinya dan perlu melawan nafsu atau bermujahadah, seperti: mengikiskan sifat tamak kepada dunia, suka berpoya-poya, sukakan makan banyak, banyak tidur, bercakap, serta mestilah banyak mengasingkan diri daripada masyarakat yang hidup secara liar dan kasar. Untuk itu, ia hendaklah membersihkan jiwa daripada sifat keji.

Ilmu Tasawuf yang kadang kala dikaitkan dengan Tarikat juga telah


bertukar menjadi ajaran sesat kerana masyarakat awam yang bukan daripada golongan Falsafah telah melibatkan diri mereka dalam persoalan Falsafah itu.

Sebahagian daripada kalangan tokoh ahli Tasawuf membawa juga fahaman yang berbeza antara mereka dan ada di kalangan mereka yang menyeleweng dan dikira kufur apabila mereka mencampur-adukkan Tasawuf tersebut dengan ajaran Batiniah yang menyimpang daripada syariat dan aqidah Islam.

CONTOH PENYELEWENGAN AQIDAH TASAWUF

Tasawuf Falsafi itu membicarakan tentang hakikat segala yang ada, iaitu Tuhan, manusia dan alam. Maka persoalan dan permasalahan Tasawuf sudah mulai menyimpang. Tasawuf juga mulai sukar untuk dipelajari dan difahami kerana apa yang hendak difahami atau hendak dipelajari itu bukan lagi konsep mujahadah, tetapi Falsafah Ketuhanan. Setelah masa berlalu, ajaran Tasawuf dan Sufi ini berkembang lebih luas, maka lahirlah pula istilah yang berbagai-bagai untuk satu tingkat dan peningkatan sufi itu serta lama-kelamaan, ada ajaran Tasawuf yang menyeleweng. Antara bentuknya ialah

1. Ada penyelewengengan dalam ajaran Tasawuf ini, khasnya dalam Tarikat. Di mana setengahnya mengatakan guru mereka sahaja yang sempurna dan mereka mengikut apa sahaja yang disuruh dan dikatakan oleh guru dan pembawa Tarikat mereka. Untuk itu ia adalah salah dan menyeleweng daripada ajaran dan aqidah yang benar.
2. Antara lain juga dalam Tasawuf dan Tarikat mereka, murid dan syeikh itu melakukan amalan Tarikat mereka secara rahsia dan kadang kala bercampur-aduk dengan wanita yang bukan mahram mereka.
3. Setengahnya pula mengamalkan amalan berzikir secara rahsia pada waktu tengah malam yang gelap dengan bercampur antara



lelaki dan wanita bukan m'ahram.

4. Apa yang jelas menyeleweng dalam amalan Tarikat dan Sufi juga ialah setengahnya mengatakan apabila mereka mengadakan zikir dan mencapai darjat yang tinggi mereka akan terbayang Allah muncul dengan warna-warna tertentu dan mereka akan mencapai taraf *kasyaf*. Semua itu bercanggah dengan aqidah Islam, yang mana Allah itu tidak boleh ditasybihkan atau tidak boleh disifatkan dengan segala sifat makhluk atau 'Arad.
5. Dalam keadaan lain juga ada ahli Sufi yang beruzlah secara bersendirian dan di tempat tertentu, akan terbuka hijab atau kasyaf apabila berzikir dan mencapai makam tertentu untuk menilai dan melihat alam ghaib.
6. Sesetengah ahli Sufi ingin membersihkan hati dan rohani, namun mereka tidak berilmu. Mereka cuba memikirkan dan mengkaji untuk sampai kepada perkara yang ghaib, seperti hakikat ruh, ketuhanan dan sebagainya. Sedangkan semua itu adalah terbatas bagi manusia walau setinggi mana ilmu mereka. Segala yang ghaib, Allah sahaja yang tahu.
7. Ahli sufi itu yang menjalani hidup sufi akan mengalami musyahadah atau terbuka tirai, yang waktu itu mereka boleh melihat malaikat, ruh para nabi dan lainnya. Seterusnya mereka naik ke tahap yang lebih tinggi sampai ke tahap berdamping dengan Tuhan atau mereka menamakan tahap Hulul. Ada mengatakan sampai ke tahap ittihad atau bersatu. Semua itu adalah salah dan jelas menyimpang daripada aqidah Islam.
8. Justeru konsep Hulul atau ittihad itu ditentang Al-Ghazzali, yang mana ia begitu menonjol sekali tersebar dalam *Tasawuf Wujudiyyah* atau *Tasawuf Wahdah Al-Wujud* (وحدة الوجود). Al-Ghazzali menegaskan juga, *Ittihad* (اتحاد) atau bersatu hamba dengan Tuhan itu adalah perkara mustahil berlaku. Begitu juga *Hulul* (حلول) atau meresap Tuhan dengan hamba juga adalah mustahil.

9. Antara lain, ada sesetengah ahli Sufi yang membahaskan perkara-perkara yang rumit, seperti metafizik dan yang sia-sia, seperti melibatkan malaikat, roh dan lainnya. Antara lain juga Tasawuf Falsafi juga tidak lari daripada terpengaruh dengan Hindu Neo-Platonis yang membicarakan hakikat kewujudan dan segala yang ada. Iaitu semua merupakan persoalan metafizik yang akhirnya pengaruh itu menyebabkan lahir teori yang dikenali dengan *Wahdah Al-Wujud* (وحدة الوجود), iaitu Tuhan adalah segala yang ada.
10. Justeru itulah Tasawuf Wahdah Al-Wujud itu dapat dikesan menurut sejarahnya bersumber daripada Hindu dan Neo-Platonis. Selepas kurun kedua Hijrah, semua itu telah mempengaruhi ahli Tasawuf. Apabila pengaruh Hindu dan Neo-Platonisme resap pada ajaran Tasawuf, maka jadilah Tasawuf itu merupakan suatu perbincangan Falsafah dan bukan lagi zuhud.
11. Mereka mengatakan asal segala sesuatu itu ialah Nur Muhammad (نور محمد). Antara contoh Falsafah Tasawuf ialah kitab *Syarh Qasidab ibn Al-Faridh Al-Farghani*. Di mana Al-Farghani mengatakan alam wujud ini lahir daripada penciptaannya. Semua alam wujud juga terbit daripada *Wahdaniyah* yang menjadi penjelmaan bagi Ahadiyah. Keduanya itu lahir daripada Zat yang Maha Mulia, iaitu 'Ain Al-Wahdah semata-mata.

FAHAMAN MARTABAT TUJUH YANG MENYELEWENG

Martabat Tujuh dapat dibahagikan kepada dua tahap, iaitu:

1. Martabat Qadim. Iaitu *Abadiyah*, *Wahdah* dan *Wahidah*. Hal itu kerana ia belum berpisah dari ilmuNya.
2. Martabat baru atau bukan Qadim, Baharu iaitu *Alam Rub*, *Alam Mitsal*, *Alam Ajsam* dan *Alam Insan* dan ia sudah keluar daripada ilmu Allah.



Martabat Pertama: Ahadiyah

Hikmat Zat Allah itu seperti bijian atau seperti melihat cermin yang belum mengira perbuatannya. Di situ martabat zat qadim, azali, abadi dan martabat yang tidak nyata. Untuk itu, Ahadiyah itu seperti melihat cermin, manakala Wahdah itu pula ibarat cermin dan Wahidah umpama rupa dalam cermin, inilah martabat tidak nyata. Hal itu kerana belum nyata Tuhan dengan hamba dan belum nyata sifatnya. Alam belum maklum.

Martabat Kedua: Wahdah

Inilah yang dikatakan Martabat Allah: iaitu *Wahdah Qadim, Azali, Abadi, Rub Suci*, iaitu nyawa Muhammad dan inilah martabat nyata pertama atau kelakuan Zat. Ia juga bermaksud nyawa atau Ruh Muhammad dalam pengetahuan Allah dari sudut zatnya dan sifatnya dan hakikat batin segala yang maujud. Ia juga bermaksud segalanya ada asas bentuk umum, ertinya langit belum nyata langitnya dan malaikat belum nyata malaikatnya.

Martabat Nyata Awal (*Ta'ayun Awwal*) atau nyata yang bermula inilah nyata zat, sifat dan perbuatanNya.

Martabat Ketiga: Wahidah

Inilah yang dikatakan martabat Nyata Kedua (*Ta'ayun Thani*). Iaitu nyata pada Martabat Wahidah juga bernama ruh Adam. Ia adalah kenyataan yang telah ada dalam ilmu Allah bagi zatNya dan bagi sekalian yang maujud atas dasar terperinci. Iaitu sudah berpecah-pecah dan sudah berbeza daripada setengah dengan setengahnya yang lain. Untuk itu, langit sudah nyata langitnya dan bumi sudah nyata buminya dan manusia sudah nyata manusianya. Maka tajalli hak Allah pada martabat ini dengan bernama *Ar-Rahman* yang bererti bersifat pemurah.

Antara sebab dikatakan Nyata Kedua atau nyata zatNya kerana ketuhanan itu sebab bagi ada Muhammad dan Adam serta kita semua dalam ilmu-Nya. Sebab dikatakan sifatnya, kerana sifat ilmu sudah ada dengan yang diketahui dan kudrat dengan yang kuasa. Sebab

dikatakan nyata perbuatan-Nya, kerana 'af'al itu nyata dengan maklumat. Ertinya perbuatan yang dibuat, iaitu Muhammad, Adam dan kita semua. Justeru itu, *Ar-Rahman* itu adalah *Rub Idhafi*, nyawa Adam dan badan Muhammad, iaitu hati Muhammad, hakikat Adam.

Martabat Keempat: Alam Arwah

Ia dikenali dengan ilmu segala nyawa, iaitu kenyataan yang telah keluar daripada ilmu-Nya. Maka inilah martabat segala nyawa yang dihidupkan akan segala yang berjasad, seperti dihidupkan matahari dengan cahayanya terhadap segala benda yang menerangi atasnya.

Martabat Kelima: Alam Misal

Iaitu hati sanubari atau tempat hati, yang juga dinamakan dengan alam segala rupa. Iaitu daripada kehendak Allah yang dapat terus daripada segala yang halus dan tidak menerima sukar.

Martabat Keenam: Alam Ajsam

Iaitu juga bernama Alam Syahadah, iaitu alam yang dipandang. Iaitu juga alam segala martabat yang terus daripada anasir yang empat, iaitu: Air, Tanah, Udara dan Api.

Martabat Ketujuh: Alam Insan

Iaitu martabat manusia. Martabat yang dihimpunkan segala martabat tersebut. Maka nyatalah Allah pada martabat ini dengan nama *Jami'* (جامع), iaitu yang menghimpunkan.

Oleh itu, semua itu adalah Tasawuf Tajalli Martabat Tujuh yang dikatakan ada tujuh susunan, namun tidak semestinya bilangan itu tetap tujuh, malah ada kalanya kurang.

Rumusannya, hakikat Allah yang sebenarnya itu adalah di luar sama sekali penyampaian akal manusia dan wujud Allah adalah wujud yang mutlak. Dalam istilah Martabat Tujuh dikenali dengan tidak nyata dan mutlak itu menurun kepada beberapa yang nyata dan berakhir dengan manusia. Untuk itu, menurut mereka yang berpegang dengan



Martabat Tujuh, proses menurun atau *Tanazul* Allah dari yang tidak nyata hinggalah kepada *Insan Kamil* (انسان كامل), iaitu melalui peringkat Martabat Tujuh itu, di mana Allah meresap ke setiap martabat itu. Sedangkan nas Al-Quran menafikan semua keadaan itu, justeru itulah perbincangan mengenai konsep Martabat Tujuh ini menunjukkan bahawa ajaran ini bercanggah dengan nas Al-Quran dan ia adalah ajaran sesat yang menyeleweng daripada aqidah Islam.

Antara lain juga, pendapat mengenai ilmu Martabat Tujuh ini di mana Hamzah Fansuri yang membuat perbandingan bahawa Allah itu Mutlak dan diumpamakan seperti laut. Sebenarnya bukan Hamzah Fansuri sahaja yang membuat perbandingan Mutlak Allah dengan laut, malahan Ibnu 'Arabi juga menggunakan perkataan laut dan dibandingkan Allah dengan laut. Selain itu Ibnu 'Arabi membandingkan Allah menjadikan makhluk pula diumpamakan dengan bagaimana laut itu melahirkan ombak dan hujan. Semua ini adalah bercanggah dengan nas Al-Quran. Sebagaimana firman Allah s.w.t

فَلَا تَضْرِبُوا لِلَّهِ الْأَمْثَالَ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

"Oleh itu, janganlah kamu mengadakan sesuatu yang sebanding dengan Allah."
(An-Nabl : 74)

Firman Allah s.w.t yang lain

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

"Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan-Nya (dengan zat-Nya, sifat-Nya dan pentadbiran-Nya)" (Asy-Syura : 11)

Menurut Al-Ghazali, Ilmu Tasawuf itu menjadi benar apabila ia tidak menyeleweng dari sudut konsep ketuhanan, aqidah dan amalan. Antara lain juga, beliau mengatakan Ilmu Tasawuf akan lengkap apabila ia disertai dengan amal, sebagaimana yang dilakukan oleh ahli Sufi seperti Abu Talib Al-Makki, Harith Al-Muhasibi, Al-Junaid, Asy-Syibli dan lainnya.

Sebagai rumusannya, menurut Al-Ghazali juga, ahli Sufi yang menjalani tarikat sememangnya akan mengalami mukasyafah dan musyahadah. Seterusnya, dari tahap musyahadah tersebut, mereka

akan naik ke tahap yang lebih tinggi yang mana semua itu tidak dapat digambarkan dengan perkataan. Apabila ahli Sufi itu cuba atau menterjemahkan apa yang mereka alami itu, maka akan menimbulkan salah faham dan dikatakan menyeleweng seperti konsep *Hulul* atau meresap, *Ittibad* atau bersatu dan *Wusul* atau sampai, semua itu adalah salah.

JAWAPAN ULAMA' TERHADAP PENYELEWENGAN AHLI KEROHANIAN & TASAWUF

Ada nas yang ditakwilkan berkaitan dengan aqidah, seperti Muktaizilah yang mentakwilkan ayat agar sesuai dengan konsep dan kemaslahatan mereka, maka begitulah juga sesetengah ahli Tasawuf. Mempelajari ilmu Tasawuf bukan bererti seseorang itu semestinya menjadi seorang ahli Sufi, kecualilah sekiranya ia diamalkan dengan bersungguh-sungguh serta berdasarkan ajaran Islam yang benar.

Imam Al-Ghazali mengatakan, Tasawuf lebih senang dipelajari, namun sukar untuk diamalkan. Di mana seseorang itu perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk hidup zuhud dan melawan nafsu yang dikenali dengan mujahadah. Begitu juga untuk mencapai tahap tauhid dan makrifat Allah bukan perkara mudah, ia perlukan mujahadah dan juga perlu menghitung keadaan dirinya.

Tidak sama dengan ilmu Tauhid dan Fiqh, di mana umat Islam sepanjang zaman dan segenap pelusuk daerah menerima dan menghayati dengan sepenuhnya. Namun terhadap ajaran Tasawuf mereka berbelah bagi. Di mana ada yang menerima ajaran Tasawuf itu secara bulat-bulat dan ada yang berhati-hati dalam menerima dan ada yang menolaknya secara bulat-bulat. Sebagai contohnya ajaran Tasawuf Al-Ghazali yang dianggap sederhana itu pun pernah dibakar bukunya di Sepanyol. Begitu juga karya Tasawuf Hamzah Fansuri yang dianggap Tasawuf melampau Wahdah Al-Wujud juga pernah dibakar di Aceh.

Pada masa ini, kitab Tasawuf sama sekali diharamkan dari memasuki atau diharamkan sesiapa menulisnya serta mengajarkannya di Arab



Saudi. Antara kitab Tasawuf yang terkenal yang menjadi sumber rujukan ilmu Tasawuf ialah kitab *Al-Futubat Al-Makiyyah* karangan Ibn 'Arabi. Namun ia juga telah diharamkan sama sekali oleh Parlimen Mesir dan tidak boleh dicetak atau diedarkan.

Penjelasan ulama terhadap aliran kerohanian dan berlakunya penyelewengan dalamnya, khasnya berkaitan dengan aqidah dengan menyentuh perkara-perkara berikut, antaranya ialah:

- 1 Sememangnya Tasawuf Islam yang murni adalah berlandaskan Al-Quran dan Hadits, namun tidak dapat dinafikan juga sesetengah ajaran Sufi atau Tasawuf itu masih diragui. Hal tersebut kerana tidak menggunakan nas Al-Quran yang jelas, begitu juga bukan semua hadits yang dijadikan sandaran oleh mereka itu adalah hadits sahih, malahan sesetengahnya kesahihan hadits yang dijadikan hujjah masih dipertikaikan oleh ulama' hadits. Contohnya ialah hadits

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ

"Sesiapa yang kenal dirinya, maka ia kenal Tuhannya."

Menurut pendapat ulama, sebenarnya yang mereka dakwakan itu sebenarnya adalah bukan hadits, namun ia sebenarnya kata-kata Yahya Ibnu Mu'az Al-Razi.

- 2 Antara lain, ahli sufi itu menganggapkan bahawa erti Al-Quran itu ada yang zahir dan batin. Apa yang batin itu amat mendalam tidak terkira, maka terpulanglah kepada tiap-tiap individu untuk memahaminya. Semua ini juga salah, kerana tidak semua orang boleh menafsir ayat Al-Quran atau hadits. Ia perlu kepada syarat dan adab yang ketat. Justeru itulah, kita dapati setengah ulama yang menghukum *Tafsir Bi Ar-Ra'yi* adalah salah. Ini adalah untuk menjaga kesucian Islam dan agamanya daripada penyelewengan.
- 3 Setengah ahli Sufi juga berpendapat bahawa syariat itu merupakan suatu nilai yang subjektif. Maka tidak hairanlah jika ada sesetengah ahli Sufi mematuhi syariat dengan sepenuhnya, manakala yang sesetengah yang lainnya

menganggap ia hanyalah amalan zahir sahaja yang mempunyai nilai *nisbi* atau relatif. Antara lain, apabila dibandingkan syariat itu dengan amalan hati pula, segala amalan zahir, iaitu syariat itu adalah simbol kepada hakikat kerohanian yang sebenar. Mereka mengatakan musafir untuk mengerjakan haji itu adalah simbol kepada musafir kepada Allah dan dengan meninggalkan segala dosa. Walau bagaimana pun, majoriti ahli Tasawuf memang berpegang teguh dengan syariat.

4. Ahli sufi juga menganggap mereka bukan lagi daripada kalangan Muslim biasa, kerana mereka sahaja yang tahu erti batin Al-Quran dan hadits, manakala orang biasa tidak tahu. Semua ini adalah salah dan menyalahi dengan aqidah serta syariat Islam.
5. Ahli sufi yang telah sampai ke makam atau tahap *Fana'* dan *Baqa'*, mereka dikatakan mempunyai beberapa keistimewaan. Mereka beranggapan, kalau pun mereka melanggar batasan atau hukum syarak, maka tidak mengapa bagi mereka. Mereka mengatakan, apabila mereka telah sampai ke darjat tersebut, maka mereka boleh meninggalkan sembahyang, hingga boleh membunuh orang.

Dalam berhujah dengan hal itu, mereka membawa contoh nabi Musa yang membantah nabi Khidir yang membunuh seorang budak.

Nabi Musa tidak tahu, namun Khidir tahu yang rahsia batin di sebalik pembunuhan itu.

Sebenarnya hujah mereka itu adalah salah dan menyeleweng dari aqidah Islam kerana ini semua adalah perkara khusus yang tidak boleh diqiyaskan kepada umum. Antara lain, menurut pendapat Imam Al-Ghazali, bahawa timbulnya Tasawuf Wahdah Al-Wujud adalah lantaran daripada melanggar larangan syariat itu.

6. Selain itu, apabila sampai ke tahap *Fana'* dan *Baqa'*, maka dijangkakan ahli Sufi itu akan dapat melakukan perkara keramat



atau supernatural dan mereka itu bolehlah digelar wali. Antara darjat wali yang rendah dan tertinggi itu ada pula peringkatnya, antaranya: Yang tertinggi ialah darjat Qutb dan di bawahnya adalah darjat Autad, Abdal, dan lainnya.

Ibn Khaldun berpendapat, sebenarnya ini semua adalah juga pengaruh sesat dan menyalahi aqidah Islam dan sebenarnya gelaran itu adalah pengaruh daripada ajaran Syiah.

Sebagai rumusannya, *Tasawuf Wujudiyah* dan *Tajalli* sebenarnya adalah sebahagian daripada ajaran Batiniah yang sesat dan kufur. Di mana ajaran dan fahaman *Tasawuf Wujudiyah* seperti Martabat Tujuh atau *Maratib Al-Wujud* iaitu susunan segala yang ada, jelas sesatnya. Untuk itu sebenarnya, ajaran *Tasawuf Wujudiyah* atau Martabat Tujuh yang tersebar di rantau sekarang ini sebahagian daripada ajaran Batiniah yang sesat. Ia juga pengaruh daripada Hindu dan Neo-Platonis serta pengaruh Kristian yang mempertuhankan Nabi Isa dan lainnya.

the first of these is the fact that the
 second of these is the fact that the
 third of these is the fact that the

fourth of these is the fact that the
 fifth of these is the fact that the

sixth of these is the fact that the
 seventh of these is the fact that the
 eighth of these is the fact that the
 ninth of these is the fact that the
 tenth of these is the fact that the

and
 the
 the
 the